

18 JUN 2003

Umno-Sulaiman

PENGERUSI TETAP UMNO SEDIH GAGAL HADIR PERHIMPUNAN AGUNG

Oleh: Zurina Yusof (membetulkan tarikh)

PETALING JAYA, 18 Jun (Bernama) -- Pengerusi Tetap Umno Tun Sulaiman Ninam Shah terkilau dan sedih kerana tidak dapat hadir pada perhimpunan agung Umno tahun ini, yang terakhir akan dirasmikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden parti.

Ini kerana, selama 28 tahun beliau menjadi Pengerusi Tetap Umno, Sulaiman tidak pernah gagal hadir pada perhimpunan agung Umno.

Bagaimanapun, beliau terpaksa akur dengan keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan kali ini kerana menghidap leukimia, dan beliau tidak dapat bersama-sama pemimpin dan anggota perwakilan lain menghayati amanat terakhir Dr Mahathir sebagai presiden parti.

"Saya rasa dukacita tidak dapat hadir, lebih-lebih lagi pada kali akhir Dr Mahathir menjadi Presiden Umno dan Perdana Menteri, sepatutnya saya mesti ada bersama-sama sebab tempoh saya akhir tahun hadapan tapi apa boleh buat kesihatan saya tidak mengizinkan," katanya dalam temubual dengan Bernama di rumahnya di sini.

Tanggungjawab sebagai pengerusi tetap parti itu pada perhimpunan agung yang bermula esok di Pusat Dagangan Dunia Putra, akan dipikul timbalannya, Datuk Seri Onn Ismail.

Ucapan beliau akan dibacakan oleh Onn dan Sulaiman percaya timbalannya dapat memimpin perhimpunan itu dengan baik.

"Saya yakin Datuk Onn boleh pimpin (persidangan) Umno pada masa akan datang jika mendapat sokongan daripada perwakilan," katanya.

Sulaiman berkata, timbalannya mungkin sukar hendak berjenaka sepertinya memandangkan beliau (Onn) masih muda.

"Saya berharap perwakilan dapatlah bersabar sedikit..tak dapatlah nak buat banyak joke (lawak) macam saya kerana saya dah lama dalam parti dan dah boleh buat joke itu buat joke ini...jadi kalau orang muda susah sikitlah," katanya.

Dalam temubual itu, Sulaiman kelihatan lemah, namun semangatnya untuk bercerita mengenai perhimpunan Umno tetap membara.

Sulaiman, 84, terlantar lebih dua bulan di hospital sebelum ini kerana menghidap penyakit leukimia.

"Saya disuruh ke Pantai (Hospital Pantai) esok atau lusa ambil rawatan lagi sebulan," katanya.

Ditanya pesannya kepada anggota perwakilan, Sulaiman berkata: "Saya berharap ahli-ahli Umno tetap mengekalkan perjuangan Umno, jangan berganjak walau seinci sekalipun kerana Umno inilah hanya satu parti yang dapat mempertahankan orang Melayu."

Beliau menasihatkan para anggota parti terus bersatu dan memberi sokongan padu kepada pucuk pimpinan Umno.

Sulaiman berharap anggota Umno setia kepada parti sama seperti beliau yang tidak pernah meninggalkan parti terbesar itu dalam susah dan senang sejak penubuhannya pada tahun 1946.

"Anggota Umno pula, janganlah ketepikan veteran-veteran kerana merekalah yang memperjuangkan hak orang Melayu sebelum ini," katanya.

Mengulas kenyataan Perdana Menteri supaya pemimpin tidak berebut jawatan bagi mengelakkan perpecahan dalam Umno, Sulaiman berkata pucuk pimpinan parti perlu diberi sokongan 100 peratus.

Tindakan Dr Mahathir memilih timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk mengambil alih pucuk pimpinan parti dan negara disifatkan Sulaiman sebagai langkah bijak.

Mengakhiri perbualan, Sulaiman yang berpuas hati terhadap kepimpinan Dr Mahathir, turut melahirkan rasa terima kasih kepada semua anggota Majlis Tertinggi Umno yang selama ini memberi sokongan padu kepadanya dalam apa juga keputusan.

-- BERNAMA
ZUE KHY RON